

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 30.03.2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meletakkan budaya politik negara yang membabitkan parti-parti politik dan ahli-ahli politik kepada suatu sistem akauntabiliti awam yang melaksanakan sistem pembiayaan politik, sumbangan dana politik, penggunaan dana awam untuk kegiatan politik, menghadkan perbelanjaan kempen politik dan lain-lain.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP telah mengenalpasti pelbagai inisiatif untuk dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam jentera

pentadbiran kerajaan dan salah satu inisiatif di bawah Rasuah Besar adalah Kajian Terhadap Dana Politik (*Political Funding*). Mewujudkan kawalan ke atas dana politik merupakan salah satu daripada inisiatif NKRA Memerangi Rasuah menjelaskan bahawa Kerajaan adalah komited dalam mentransformasikan pentadbiran Kerajaan seterusnya memulihkan persepsi rakyat Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah mengkaji kembali Akta Pertubuhan 1966, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 serta Akta Anti Pengubahan Wang Haram and Anti Kewangan Penganas 2001 (AMLATFA). Ianya bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan yang berkaitan bagi merealisasikan kawalan ke atas dana politik serta dipantau secara berkesan sebagai satu pembaharuan dengan mengambil kira syor-syor yang dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk NGO seperti Transparency International Malaysia (TI-M). Di antara kriteria-kriteria awal yang dicadang untuk dilaksanakan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bagi pelaksanaan inisiatif Pembiayaan Politik iaitu:

- (a) Setiap dana/pembiayaan politik mestilah dibuat di atas nama parti dan bukannya atas nama individu dalam parti;
- (b) Setiap dana/pembiayaan politik yang diterima mestilah direkodkan dan dikeluarkan resit penerimaan; dan
- (c) Akaun parti mestilah diaudit pada setiap tahun berakhir.

Melalui GTP 2.0, satu inisiatif baru telah diperkenalkan iaitu rundingan integriti kepada Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Sehingga kini seramai 129 orang Ahli Parlimen dari pelbagai

parti telah menghadiri rundingan Integriti yang telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), NKRA Membanteras Rasuah dan juga IDEAS.

Diharapkan lebih ramai Ahli Parlimen yang akan tampil untuk menghadiri rundingan seumpama ini bagi meningkatkan kefahaman terhadap isu rasuah disamping meningkatkan tahap integriti ahli politik. Ini adalah salah satu usaha bagi mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap pemimpin politik kerana ahli-ahli politik sepatutnya menjadi 'role model' dan menunjukkan tauladan integriti tidak kira apa jua ideologi atau parti politik.

Usaha memartabatkan budaya integriti dikalangan ahli-ahli politik juga bukanlah terletak kepada Kerajaan semata-mata tetapi ianya perlu dilaksanakan oleh kesemua ahli-ahli politik tidak mengira parti dan ideologi. Ahli-ahli politik perlu lebih bertanggungjawab untuk mewujudkan sistem pembiayaan politik yang lebih berakauntabiliti serta dipercayai.

Sekian, terima kasih.